

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkeelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

Bil.	Jawatan	Kelayakan
1.	<p>Eksekutif Strategi Korporat dan Komunikasi (Gred 11 – Jawatan Kontrak) (Pejabat Pengurusan Korporat - Serdang, Selangor)</p>	<p>Deskripsi Tugas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membantu menguruskan acara/program/aktiviti yang dianjurkan oleh NIBM; 2. Membantu mempromosikan kegiatan NIBM dengan menjemput pihak media untuk membuat liputan mengikut keperluan; 3. Membantu menguruskan maklumbalas/<i>informasi/input</i> yang melibatkan stakeholder (MESTECC, agensi-agensi lain); 4. Membantu menyediakan siaran akhbar dan teks ucapan bagi acara/program/ aktiviti mengikut keperluan pihak NIBM dan institut; 5. Membantu menyediakan, menyunting dan menyemak bahan-bahan taklimat media dan maklumat korporat; 6. Membantu mengendalikan semua urusan protokol melibatkan pelaksanaan majlis dan petugas berkaitan dalam setiap acara yang dianjurkan oleh NIBM; 7. Menghadiri mesyuarat/acara/program yang dikendalikan oleh MESTECC atau agensi-agensi yang berkaitan; 8. Membantu mengurus liputan dan sidang akhbar untuk NIBM; 9. Membantu memastikan acara/program/aktiviti yang dianjurkan oleh NIBM dikongsi di <i>Facebook</i> Rasmi NIBM; 10. Membantu memastikan laman sosial NIBM (<i>Facebook /Twitter</i>) sentiasa dikemaskini; 11. Menyediakan bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai kepakaran, perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan sedia ada di NIBM dalam bentuk cetakan dan elektronik; 12. Membantu pihak pengurusan NIBM dalam proses penjenamaan atau penstrukturan semula NIBM; 13. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa. <p>Kelayakan dan pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Warganegara Malaysia; 2. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Komunikasi; 3. Mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan, perancangan dan pengurusan dan mahir dalam pengurusan media merupakan satu kelebihan; dan 4. Memiliki sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang tugas berkaitan.

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5687
Emel : recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan: **7 Disember 2018**